

myBASKonsesi FAQs

Maklumat Am	3
1. Apakah myBASKonsesi dan kelebihanannya?	3
2. Apakah kriteria kelayakan untuk melanggan myBASKonsesi ?	3
3. Berapakah kos langganan myBASKonsesi ?	3
4. Di mana dan bagaimana saya boleh melanggan myBASKonsesi ?	3
Maklumat Langganan myBASKonsesi	5
5. Bilakah saya boleh mula melanggan myBASKonsesi ?	5
6. Bilakah saya boleh mula menggunakan myBASKonsesi ?	5
7. Adakah terdapat sebarang yuran pentadbiran atau caj tersembunyi yang dikenakan oleh myBASKonsesi ?	5
8. Sekiranya saya kehilangan kad myBASKonsesi, adakah saya akan dikenakan bayaran untuk mendapatkan gantian kad yang hilang?	5
9. Adakah kad myBASKonsesi memiliki jaminan?	5
10. Adakah kad MyTentera boleh digunakan untuk melanggan myBASKonsesi ?	6
11. Berapa lamakah tempoh sah myBASKonsesi?	6
12. Pada masa ini saya telah melanggan pas myBAS50 yang sah, dan ia masih aktif. Bolehkah saya melanggan myBASKonsesi ?	6
Pembaharuan myBASKonsesi	7
13. Bagaimanakah cara untuk memperbaharui myBASKonsesi?	7
14. Adakah myBASKonsesi menawarkan ciri pembaharuan secara automatik?	7
15. Untuk memperbaharui myBASKonsesi, adakah saya perlu menunggu selama 24 jam sebelum saya boleh mula menggunakannya?	7
16. Adakah saya akan dimaklumkan sebelum langganan myBASKonsesi saya tamat tempoh? ..	8
Pertukaran Akaun	9
17. Adakah saya boleh memindahkan myBASKonsesi saya kepada ahli keluarga atau rakan? ...	9
18. Bolehkah saya menukar pas myBASKonsesi kepada MyKAD, MyTentera, kad myBASKonsesi atau aplikasi LUGO?	9
19. Berapa lamakah proses untuk menukar myBASKonsesi akan mengambil masa?	9
20. Apakah yang akan berlaku kepada langganan sedia ada saya jika saya menukar myBASKonsesi kepada kad yang lain /aplikasi?	9
21. Adakah terdapat had tertentu yang di benarkan untuk menukar langganan myBASKonsesi kepada aplikasi LUGO atau Kad MyKad/MyTentera/myBASKonsesi, dan begitu juga sebaliknya? ...	9
22. Adakah terdapat bayaran tambahan untuk menukar akaun myBASKonsesi saya kepada Kad MyKAD / MyTentera / myBASKonsesi atau aplikasi LUGO?	10
23. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya kehilangan kad saya (MyKad/MyTentera/ myBASKonsesi)? Bolehkah saya menggantikan dengan Kad myBASKonsesi yang baru atau	

memindahkan langganan myBASKonsesi saya ke MyKad/ MyTentera / myBASKonsesi baharu saya atau aplikasi LUGO?	10
Penggunaan	11
24. Bolehkah saya menggunakan myBASKonsesi di kawasan luar Johor?	11
25. Bolehkah saya menggunakan myBASKonsesi pada bas Muafakat ?	11
26. Selepas mengaktifkan myBASKonsesi , adakah saya masih boleh menggunakan MyKad/ MyTentera sebagai Touch N Go?	11
27. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin memohon myBASKonsesi menggunakan MyKad/ MyTentera tetapi cip kad tidak berfungsi?	11
28. Saya telah melanggn myBASKonsesi melalui MyKad/ MyTentera . Baru-baru ini, saya telah menukar MyKad saya. Adakah saya perlu mendaftar semula di kaunter?	12
29. Bagaimanakah sekiranya MyKad saya rosak dan tidak boleh dibaca selepas saya melanggan myBASKonsesi ?.....	12
30. Bagaimanakah cara menggunakan aplikasi LUGO semasa naik dan turun daripada bas? ...	13
31. Mengapa saya perlu menyentuh kad semasa turun dari bas memandangkan perjalanan yang ditawarkan adalah percuma di bawah program myBASKonsesi ?	13
32. Jika myBASKonsesi saya telah tamat tempoh tetapi saya ingin menaiki bas dengan segera, bolehkah saya membayar secara tunai?	14
Penyelesaian masalah & Lain-lain	14
33. Jika saya telah menggunakan myBASKonsesi melalui aplikasi LUGO, apakah yang akan berlaku	14
34. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya sayan mendapati pelekat kod QR di dalam bas tiada, 14	
35. Bolehkah saya menggunakan aplikasi LUGO untuk mendaftar dan melanggan myBASKonsesi , dan kemudian menggunakan Kad MyKad/ MyTentera / myBASKonsesi untuk menaiki bas?	15
36. Jika saya tidak dapat mendaftar melalui aplikasi LUGO dan tidak boleh mengambil swafoto, apakah yang perlu saya lakukan?	15
37. Bolehkah saya mendaftar masuk menggunakan aplikasi LUGO walaupun tanpa akses internet?.....	15
38. Adakah “Bluetooth” diperlukan untuk daftar masuk menggunakan aplikasi LUGO?	15
Bantuan & Sokongan	16
39. Apakah yang perlu saya lakukan jika Soalan Lazim di atas tidak memberikan bantuan yang diperlukan?.....	16

Maklumat Am

1. Apakah myBASKonsesi dan kelebihanannya?

myBASKonsesi ialah program yang diperkenalkan oleh Jabatan Pengangkutan Malaysia, dengan matlamat untuk menyediakan bantuan tambahan kepada kumpulan individu yang memerlukan. Tujuan program ini adalah untuk menyediakan perjalanan bas secara percuma kepada pelajar berumur 7-17 tahun, individu kurang upaya, dan warga emas berumur 60 tahun ke atas. Melalui inisiatif ini, individu tersebut boleh menggunakan perkhidmatan myBAS di Johor Bahru secara percuma.

2. Apakah kriteria kelayakan untuk melanggan myBASKonsesi ?

Untuk memenuhi syarat, anda mestilah warganegara Malaysia dan tergolong dalam salah satu daripada 3 kategori berikut:

- Pelajar berumur antara 7 hingga 17 tahun.
- Orang Kelainan Upaya (mempunyai kad OKU).
- Warga emas berumur 60 tahun ke atas.

Kriteria untuk kelayakan umur adalah berdasarkan tahun kelahiran pemohon. Sebagai contoh, jika umur semasa anda ialah 59 tahun dan hari lahir anda jatuh pada bulan Disember, anda layak untuk melanggan program ini.


3. Berapakah kos langganan myBASKonsesi ?

myBASKonsesi adalah percuma.

4. Di mana dan bagaimana saya boleh melanggan myBASKonsesi ?


Terdapat 2 cara untuk melanggan myBASKonsesi :

Pilihan 1: Melalui Telefon Pintar (aplikasi LUGO)



Pilihan 2: Melalui Kaunter

Anda boleh kunjungi mana-mana kaunter ManjaLink / Causeway Link yang telah disenaraikan di bawah ini bagi tujuan pendaftaran.



- Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart (Nusa Bestari)

Semasa membuat pendaftaran di kaunter, sila bawa MyKad atau MyTentera (Sila bawa kad OKU sekiranya permohonan anda adalah di bawah kategori OKU, dan MyKID untuk pelajar berumur 7-17 tahun) untuk proses pendaftaran. Kemudian, anda hendaklah memilih salah satu sama ada menggunakan MyKad atau MyTentera atau menggunakan kad myBASKonsesi yang akan diberikan secara percuma sesuai dengan pilihan anda. Bagi pelajar yang berusia antara 7 hingga 12 tahun yang tidak memiliki MyKad, mereka boleh memilih untuk menerima dan menggunakan kad myBASKonsesi.

Maklumat Langganan myBASKonsesi

5. Bilakah saya boleh mula melanggan myBASKonsesi ?

Mulai 15 Ogos 2023, pelajar berumur 13-17 tahun, individu Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Warga Emas boleh mula memohon myBASKonsesi . Bagi pelajar yang berumur antara 7-12 tahun, permohonan akan dibuka tidak lama lagi. Sila nantikan kemas kini seterusnya.

6. Bilakah saya boleh mula menggunakan myBASKonsesi ?

Ini bergantung kepada tempat anda mendaftar dan memohon myBASKonsesi anda .

Telefon pintar (aplikasi LUGO)

Bagi permohonan myBASKonsesi menggunakan aplikasi LUGO, anda perlu melengkapkan proses pendaftaran awal. Biasanya, ia akan mengambil masa sehingga 24 jam untuk pendaftaran anda disemak dan diluluskan. Setelah pendaftaran anda diluluskan, anda akan menerima pemberitahuan melalui aplikasi LUGO. Selepas itu, anda boleh terus menggunakan telefon pintar anda untuk menaiki bas.

Kaunter

Mulai 15 Ogos 2023, anda boleh memohon myBASKonsesi di kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih. Pemohon boleh mula menggunakan pas seawal 16 Ogos 2023, untuk semua laluan myBAS Johor Bahru.

Selepas melengkapkan proses langganan, anda perlu menunggu sehingga 24 jam sebelum boleh menggunakan myBASKonsesi melalui MyKad, MyTentera atau myBASKonsesi untuk menaiki bas.

7. Adakah terdapat sebarang yuran pentadbiran atau caj tersembunyi yang dikenakan oleh myBASKonsesi ?

Tidak, myBASKonsesi adalah percuma sepenuhnya.

8. Sekiranya saya kehilangan kad myBASKonsesi, adakah saya akan dikenakan bayaran untuk mendapatkan gantian kad yang hilang?

Ya, bayaran sebanyak RM10.60 akan dikenakan bagi gantian kad untuk situasi tertentu seperti kehilangan atau kerosakan kad.

9. Adakah kad myBASKonsesi memiliki jaminan?

Kad anda mempunyai jaminan 7 hari bermula dari tarikh anda menerima kad tersebut. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada kad anda dalam tempoh tersebut, anda boleh membuat penukaran kad secara percuma. Walaubagaimanapun, caj penggantian sebanyak RM10.60 akan dikenakan bagi penggantian kad myBASKonsesi selepas dari tempoh 7 hari jaminan diberikan.

10. Adakah kad MyTentera boleh digunakan untuk melanggan myBASKonsesi ?

Ya, kad MyTentera boleh digunakan untuk melanggan myBASKonsesi .

11. Berapa lamakah tempoh sah myBASKonsesi?

Untuk OKU dan warga emas:

Tempoh sah untuk pas myBASKonsesi ialah 365 hari. Selepas tempoh ini, anda boleh memperbaharui pas myBASKonsesi anda mengikut pilihan yang dinyatakan sebelum ini. Maklumat lanjut mengenai tempoh sah myBASKonsesi terdapat di Soalan 11.

Untuk pelajar:

myBASKonsesi anda akan tamat tempoh pada 31 Disember, tidak kira tarikh anda mula-mula memohon untuknya dalam tahun tersebut. Selepas tamat tempohnya, anda perlu membuat pembaharuan menggunakan mana-mana pilihan yang dinyatakan sebelum ini. Sila rujuk soalan 11 untuk butiran lanjut.

12. Pada masa ini saya telah melanggan pas myBAS50 yang sah, dan ia masih aktif. Bolehkah saya melanggan myBASKonsesi ?

Sudah tentu, anda layak memohon myBASKonsesi walaupun pas myBAS50 anda masih aktif. Walaubagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa pengaktifan myBASKonsesi anda hanya akan aktif selepas myBAS50 anda telah tamat tempoh.

Pembaharuan myBASKonsesi

13. Bagaimanakah cara untuk memperbaharui myBASKonsesi?

Terdapat beberapa cara untuk memperbaharui myBASKonsesi dan ianya bergantung kepada tempat anda mendaftar dan memohon myBASKonsesi anda

Untuk Telefon Pintar (aplikasi LUGO)

Langkah 1: Buka aplikasi LUGO

Langkah 2: Pilih "Manage Pas Transit myBAS "

Langkah 3: Pilih "Perbaharui Sekarang"

Langkah 4: Anda akan melalui bahagian pengesahan

Langkah 5: Sila tunggu pengesahan

Untuk Kad MyKad/ myTentera / myBASKonsesi

Sila kunjungi mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih untuk memperbaharui **myBASKonsesi anda** :

- Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- Nilai TF (Nusa Bestari)


14. Adakah myBASKonsesi menawarkan ciri pembaharuan secara automatik?

Buat masa ini, fungsi tersebut masih belum tersedia.

15. Untuk memperbaharui myBASKonsesi, adakah saya perlu menunggu selama 24 jam sebelum saya boleh mula menggunakannya?


Tidak kira di mana anda mula-mula memohon myBASKonsesi anda sama ada melalui aplikasi LUGO, MyKad, MyTentera atau Kad myBASKonsesi, anda perlu membuat pengesahan setiap kali anda memperbaharui pas anda. Proses pengesahan ini mungkin mengambil masa sehingga 24 jam untuk diselesaikan sebelum pembaharuan myBASKonsesi anda diaktifkan.

Jika anda telah memperbaharui myBASKonsesi anda sekurang-kurangnya 24 jam sebelum ia tamat tempoh, anda tidak perlu menunggu sehingga 24 jam sehingga pas tersebut diaktifkan.



Sebagai contoh, katakan anda memohon myBASKonsesi pada 1 Januari 2023 dan tempoh sahnya adalah sehingga 31 Disember 2023 (365 hari). Jika anda ingin terus menggunakan pas anda tanpa sebarang gangguan perkhidmatan, anda mesti memperbaharuiya selewat-lewatnya pada 30 Disember 2023. Ini adalah untuk memastikan pas anda kekal aktif dan anda boleh menikmati perkhidmatan tanpa gangguan sepanjang tempoh yang ditetapkan.

Sebaliknya, jika anda memperbaharui myBASKonsesi anda kurang daripada 24 jam sebelum tarikh tamat tempoh atau selepas ia tamat tempoh, maka anda perlu menunggu maksimum 24 jam sebelum anda boleh mula menggunakannya di dalam bas.



Contoh seterusnya, jika anda memohon myBASKonsesi pada 1 Januari 2023, ia akan sah sehingga 31 Disember 2023 (365 hari). Untuk mengelakkan sebarang gangguan perkhidmatan, pastikan anda memperbaharui pas tersebut sebelum 30 Disember 2023. Jika anda memperbaharuiya pada atau selepas tarikh tersebut, mungkin terdapat gangguan maksimum sehingga 24 jam sebelum anda boleh menggunakannya semula.

Pembaharuan untuk myBASKonsesi boleh dilakukan dalam tempoh sebulan (1) sebelum langganan anda tamat tempoh. Untuk mengelakkan sebarang gangguan perkhidmatan, kami mengesyorkan anda memperbaharui myBASKonsesi anda sebaik sahaja pembaharuan tersedia.

16. Adakah saya akan dimaklumkan sebelum langganan myBASKonsesi saya tamat tempoh?

Betul, jika anda telah menggunakan myBASKonsesi melalui aplikasi LUGO, anda akan menerima peringatan mengikut masa yang ditetapkan. Pemberitahuan ini akan dihantar dalam tempoh tiga hari terakhir sebelum tamat tempoh langganan anda. Walau bagaimanapun, bagi pengguna MyKad, MyTentera atau Kad myBASKonsesi, sila layari laman web Causeway Link untuk membuat pengesahan langganan anda.

Pertukaran Akaun

17. Adakah saya boleh memindahkan myBASKonsesi saya kepada ahli keluarga atau rakan?

Tidak, myBASKonsesi hanya boleh digunakan oleh pemohon sahaja. Kami berhak untuk membatalkan pas myBASKonsesi anda sekiranya pas tersebut digunakan oleh individu selain daripada pemohon atau dijual semula kepada orang lain.

18. Bolehkah saya menukar pas myBASKonsesi kepada MyKAD, MyTentera, kad myBASKonsesi atau aplikasi LUGO?

Ya, anda mempunyai fleksibiliti untuk membuat penukaran. Walaubagaimanapun, myBASKonsesi anda akan aktif hanya pada kad/aplikasi yang anda pilih sahaja. Setelah penukaran kepada kad/aplksi baharu dibuat, anda akan menggunakan kad/aplikasi yang dipilih secara eksklusif untuk menaiki bas.

19. Berapa lamakah proses untuk menukar myBASKonsesi akan mengambil masa?

Selepas anda membuat permohonan untuk penukaran, myBASKonsesi anda dalam aplikasi LUGO akan dinyahaktifkan serta-merta. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa terdapat tempoh menunggu maksimum 24 jam sebelum anda boleh menggunakan Kad MyKad, MyTentera atau myBASKonsesi anda untuk menaiki bas selepas penukaran dilakukan.

20. Apakah yang akan berlaku kepada langganan sedia ada saya jika saya menukar myBASKonsesi kepada kad yang lain /aplikasi?

Langganan anda adalah kekal dan tidak berubah. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa proses pengesahan mungkin mengambil masa sehingga 24 jam untuk diselesaikan sebelum anda boleh mula menggunakan pas anda.

Sila ambil perhatian bahawa semasa tempoh pemprosesan (sehingga 24 jam), jika anda perlu menaiki perkhidmatan bas, anda mesti membayar tambang bas dengan tunai atau kaedah pembayaran tanpa tunai.

21. Adakah terdapat had tertentu yang di benarkan untuk menukar langganan myBASKonsesi kepada aplikasi LUGO atau Kad MyKad/MyTentera/myBASKonsesi, dan begitu juga sebaliknya?

Buat masa ini, tiada had untuk menukar langganan myBASKonsesi anda antara aplikasi LUGO, MyKad, MyTentera atau Kad myBASKonsesi.

22. Adakah terdapat bayaran tambahan untuk menukar akaun myBASKonsesi saya kepada Kad MyKAD / MyTentera / myBASKonsesi atau aplikasi LUGO?

Tidak, tiada caj tambahan yang akan dikenakan. Sila ambil perhatian bahawa semasa proses penukaran dilakukan (sehingga 24 jam), jika anda ingin menaiki perkhidmatan myBas, anda mesti membayar tambang bas dengan tunai atau kaedah pembayaran tanpa tunai.

23. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya kehilangan kad saya (MyKad/MyTentera/ myBASKonsesi)? Bolehkah saya menggantikan dengan Kad myBASKonsesi yang baru atau memindahkan langganan myBASKonsesi saya ke MyKad/ MyTentera / myBASKonsesi baharu saya atau aplikasi LUGO?

Senario 1: Kehilangan MyKad/ MyTentera

Penyelesaian: Anda perlu membuat MyKad/ MyTentera yang baru di mana-mana Kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Sebaik sahaja anda mendapat MyKad/ MyTentera yang baru, sila kunjungi mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih (seperti yang disenaraikan di bawah) dan minta bantuan daripada kakitangan kaunter untuk menukar myBASKonsesi anda kepada Kad MyKad/ MyTentera baaru anda . Setelah proses penukaran selesai, anda perlu menunggu sehingga keesokan harinya untuk sebelum boleh mula menggunakan MyKad/ MyTentera baru anda di dalam bas. Tiada caj tambahan akan dikenakan.

Senarai Kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih :

- Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart (Nusa Bestari)

Senario 2: Kad myBASKonsesi anda hilang

Penyelesaian: Sila kunjungi salah satu kaunter di bawah untuk mendapatkan kad gantian.

Kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih :

- Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart (Nusa Bestari)

Sila ambil perhatian bahawa bayaran sebanyak RM10.60 (termasuk Cukai Perkhidmatan) akan dikenakan untuk penggantian kad disebabkan oleh kecuaiannya pengguna, seperti kerosakan atau kehilangan kad.

Senario 3 : Menukar pas myBASKonsesi anda daripada MyKad/ MyTentera / myBASKonsesi kepada aplikasi LUGO

Langkah 1: Muat turun aplikasi LUGO daripada "App Store" atau "Google Play Store"

Langkah 2: Buka aplikasi LUGO dan pilih " Pendaftaran Pas Transit myBAS " di bawah bot LUGO

Langkah 3: Isikan maklumat peribadi anda, termasuk nama penuh, nombor MyKad/ MyTentera / dan nombor telefon anda (individu OKU juga dikehendaki muat naik kad OKU untuk pengesahan identiti). Selepas maklumat peribadi, sila klik pada butang "teruskan".

Langkah 4: Jika anda ingin menukar pas myBASKonsesi anda daripada MyKad/ MyTentera anda kepada aplikasi LUGO, sila sahkan pilihan anda dengan menekan "OK."

**Sila ambil perhatian bahawa bahagian pengesahan mungkin mengambil masa sehingga 24 jam sebelum anda boleh meneruskan penggunaan myBASKonsesi anda , dan sebarang kerugian yang ditanggung semasa proses penukaran antara myBASKonsesi adalah tidak akan diberikan sebarang bayaran balik atau pampasan. Sila ambil perhatian bahawa semasa tempoh pemprosesan (sehingga 24 jam), jika anda perlu menggunakan perkhidmatan myBAS, anda perlu membayar tambang bas secara tunai atau melalui kaedah pembayaran tanpa tunai.*

Penggunaan

24. Bolehkah saya menggunakan myBASKonsesi di kawasan luar Johor?

Tidak, myBASKonsesi pada masa ini hanya boleh digunakan di Johor Bahru sahaja.

25. Bolehkah saya menggunakan myBASKonsesi pada bas Muafakat ?

Tidak, anda hanya boleh menggunakan myBASKonsesi di rangkaian perkhidmatan myBAS Johor Bahru sahaja. Sila klik di [SINI](#) untuk menyemak semua laluan bas myBAS Johor Bharu.

26. Selepas mengaktifkan myBASKonsesi , adakah saya masih boleh menggunakan MyKad/ MyTentera sebagai Touch N Go?

Ya, ia tidak akan menjejaskan fungsi Touch N Go.

27. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya ingin memohon myBASKonsesi menggunakan MyKad/ MyTentera tetapi cip kad tidak berfungsi?

Bagi situasi ini, kami mencadangkan agar anda memohon Kad myBASKonsesi sebagai alternatif. Selain itu, anda juga boleh memilih untuk melanggan myBASKonsesi melalui aplikasi LUGO. Sila rujuk Soalan nombor 6 untuk panduan tentang cara memohon myBASKonsesi menggunakan aplikasi LUGO.

28. Saya telah melanggan myBASKonsesi melalui MyKad/ MyTentera . Baru-baru ini, saya telah menukar MyKad saya. Adakah saya perlu mendaftar semula di kaunter?

Tidak, pendaftaran tidak perlu dilakukan. Sila kunjungi mana-mana kaunter yang ditetapkan dan tunjukkan MyKad/ MyTentera baharu anda untuk mengemas kini profil anda. Sila ambil maklum bahawa proses ini mungkin mengambil masa sehingga 24 jam sebelum anda boleh menggunakan MyKad/ MyTentera anda untuk menaiki bas.

29. Bagaimanakah sekiranya MyKad saya rosak dan tidak boleh dibaca selepas saya melanggan myBASKonsesi ?

Terdapat 2 penyelesaian:

Penyelesaian 1: Gantikan MyKad/ MyTentera anda

Anda perlu menukar MyKad/ MyTentera di mana-mana Kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Sebaik sahaja anda mendapat MyKad/ MyTentera yang baru , sila kunjungi mana-mana kaunter Causeway Link / ManjaLink yang terpilih (seperti yang disenaraikan di bawah) dan sila minta bantuan daripada kakitangan kaunter kami untuk menukar myBASKonsesi anda kepada MyKad/ MyTentera anda yang baru . Tiada caj tambahan akan dikenakan.

Sila ambil maklum bahawa semasa tempoh pemprosesan dilakukan (sehingga 24 jam), sekiranya anda ingin menggunakan perkhidmatan myBAS, anda perlu membayar tambang bas secara tunai atau melalui kaedah pembayaran tanpa tunai.

Kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih :

- Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart (Nusa Bestari)

Penyelesaian 2: Dapatkan Kad myBASKonsesi

Sila kunjungi salah satu kaunter yang terpilih seperti di bawah untuk mendapatkan Kad myBASKonsesi

Kaunter ManjaLink / Causeway Link yang terpilih :

- Gelang Patah
- JB CIQ
- KSL City Mall
- Terminal Bas Kulai
- Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
- TF Value Mart (Nusa Bestari)

Penyelesaian 3: Tukar myBASKonsesi anda daripada MyKad/ MyTentera kepada Apl LUGO

Langkah 1: Muat turun apl LUGO daripada App Store atau Google Play Store

Langkah 2: Buka aplikasi LUGO dan pilih " Pas Transit myBAS Registration " di bawah bot LUGO
Langkah 3: Isikan maklumat peribadi anda, termasuk nama penuh, nombor Kad MyKad/ MyTentera / myBASKonsesi , dan nombor telefon (individu OKU juga dikehendaki muat naik kad OKU untuk pengesahan identiti). Selepas maklumat peribadi, sila klik pada butang "teruskan".

Langkah 4: Jika anda ingin menukar pas myBASKonsesi anda daripada MyKad/ MyTentera anda kepada aplikasi LUGO, sila sahkan pilihan anda dengan menekan "OK."

**Sila ambil perhatian bahawa bahagian pengesahan mungkin mengambil masa sehingga 24 jam sebelum anda boleh meneruskan penggunaan myBASKonsesi anda , dan sebarang kerugian yang ditanggung semasa proses penukaran antara myBASKonsesi adalah tidak akan diberikan sebarang bayaran balik atau pampasan. Sila ambil perhatian bahawa semasa tempoh pemprosesan (sehingga 24 jam), jika anda perlu menggunakan perkhidmatan myBAS, anda perlu membayar tambang bas secara tunai atau melalui kaedah pembayaran tanpa tunai.*

30. Bagaimanakah cara menggunakan aplikasi LUGO semasa naik dan turun daripada bas?

Telefon pintar (aplikasi LUGO)

Semasa menaiki bas:

1. Buka aplikasi LUGO dan pengimbas kod QR
2. Imbas kod QR pada mesin pengimbas sehingga keluar paparan e-tiket.

Semasa turun bas:

1. Buka aplikasi LUGO dan pengimbas kod QR
2. Imbas kod QR pada mesin pengimbas sehingga keluar paparan e-tiket atau
1. Buka aplikasi LUGO dan klik pada "Pilih Berhenti"
2. Pilih perhentian pilihan anda.

Kad (MyKad/ MyTentera / myBASKonsesi)

Sentuh kad anda pada mesin pengimbas semasa naik dan turun dari bas. Apabila menyentuh kad anda, mesin pengimbas akan mengeluarkan bunyi "ding" yang menunjukkan bahawa proses naik/ keluar daripada bas telah berjaya.

31. Mengapa saya perlu menyentuh kad semasa turun dari bas memandangkan perjalanan yang ditawarkan adalah percuma di bawah program myBASKonsesi ? Ia adalah sebagai langkah keselamatan. Selain itu, ianya juga adalah sebagai bukti perjalanan dan perlindungan insurans sekiranya apa-apa berlaku kepada anda semasa perjalanan.

32. Jika myBASKonsesi saya telah tamat tempoh tetapi saya ingin menaiki bas dengan segera, bolehkah saya membayar secara tunai?

Ya, anda masih boleh membuat pembayaran secara tunai untuk membayar tambang bas anda. Walau bagaimanapun, pertukaran wang tidak disediakan di dalam bas, oleh itu, sila pastikan anda membayar jumlah yang tepat untuk mengelakkan sebarang situasi yang tidak diingini.


Penyelesaian masalah & Lain-lain

33. Jika saya telah menggunakan myBASKonsesi melalui aplikasi LUGO, apakah yang akan berlaku sekiranya saya memadam aplikasi LUGO atau menukar telefon yang baharu?

Sila ambil perhatian bahawa anda perlu menjalani proses pendaftaran sekali lagi dan proses pendaftaran mungkin akan mengambil masa sehingga 24 jam. Selepas selesai, anda boleh terus menggunakan myBASKonsesi anda di dalam bas tanpa sebarang bayaran tambahan jika langganan anda masih dalam tempoh langganan.

34. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mendapati pelekat kod QR di dalam bas tiada, tidak tersedia atau rosak?

Anda boleh menunjukkan profil myBASKonsesi yang memaparkan tarikh sah pas anda kepada pemandu bas.



35. Bolehkah saya menggunakan aplikasi LUGO untuk mendaftar dan melanggan myBASKonsesi , dan kemudian menggunakan Kad MyKad/ MyTentera / myBASKonsesi untuk menaiki bas?

Tidak, jika anda mendaftar dan melanggan myBASKonsesi melalui aplikasi LUGO, anda hanya boleh daftar naik dan turun menggunakan aplikasi tersebut. Jika anda lebih suka menggunakan MyKad/ MyTentera / Kad myBASKonsesi , sila kunjungi kaunter kami yang terpilih untuk melakukan penukaran.

36. Jika saya tidak dapat mendaftar melalui aplikasi LUGO dan tidak boleh mengambil swafoto, apakah yang perlu saya lakukan?

Sila hantarkan maklumbalas melalui e-mel di feedback@causewaylink.com.my untuk bantuan lanjut.

37. Bolehkah saya mendaftar masuk menggunakan aplikasi LUGO walaupun tanpa akses internet?

Tidak, anda memerlukan sambungan internet yang stabil untuk menggunakan aplikasi LUGO untuk tujuan daftar masuk. Aplikasi ini bergantung pada sambungan internet untuk memproses dan mengesahkan maklumat daftar masuk anda.

38. Adakah “Bluetooth” diperlukan untuk daftar masuk menggunakan aplikasi LUGO?

Ya, sila pastikan “Bluetooth” anda dihidupkan untuk menggunakan aplikasi LUGO.

Bantuan & Sokongan

39. Apakah yang perlu saya lakukan jika Soalan Lazim di atas tidak memberikan bantuan yang diperlukan?

Anda boleh menghubungi pegawai perkhidmatan pelanggan kami di talian +607-3602244 atau hantarkan maklumbalas melalui e-mel kepada feedback@causewaylink.com.my untuk bantuan lanjut.